

INTEGRASI KAUM DALAM RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA: TUMPUAN SELEPAS DASAR EKONOMI BARU

*Ethnic Integration in the National Development: Focus Beyond New
Economic Policy (DEB)*

Hasnah Hussin
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
hasnah@ump.edu.my

ABSTRAK

Interaksi kaum atau perpaduan nasional menjadi agenda penting negara yang telah dipupuk oleh kerajaan Persekutuan sejak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sehinggalah selepas kemerdekaan. Agenda perpaduan negara dijadikan asas dalam apa jua pelaksanaan program pembangunan negara. Kajian ini dijalankan bagi melihat adakah pihak kerajaan menitikberatkan isu ini dalam setiap rancangan pembangunan negara yang dirancang setiap lima tahun. Justeru itu, bagi mencapai objektif tersebut, kesemua rancangan pembangunan lima tahun negara selepas DEB diteliti dan dianalisis bagi menyokong fakta bahawa kerajaan memandang serius akan isu ketidakseimbangan kaum dalam pembangunan ekonomi negara. Ternyata Perpaduan kaum atau integrasi kaum menjadi penanda aras kepada usaha kerajaan menangani ketidakseimbangan kaum dalam pembangunan ekonomi negara. Hasil kajian mendapati bahawa jurang ketidakseimbangan pegangan ekonomi antara kaum semakin berkurang dan ini secara tidak langsung mencerminkan kejayaan kerajaan dalam usaha menangani isu-isu perpaduan di negara ini.

Katakunci: Integrasi kaum, perpaduan kaum, Kerajaan Persekutuan, rancangan pembangunan lima tahun negara, ketidakseimbangan ekonomi

ABSTRACT

Racial integration or national unity is an important agenda of the country that has been fostered by the federal government since Malaya achieved independence. National unity is the basis of any implementation of the national development program. The study was conducted to see whether the government was concerned about this issue in every five year planned development plan. In order to achieve these objectives, all five year development plans of the country after the New Economic Policy (NEP 1970-1990) were scrutinized and analyzed to support the fact that the government looked seriously on issues of racial imbalance in the country's economic development. It turns out racial unity or racial integration has become a benchmark for government efforts to deal with racial imbalances in the country's economic development. The findings suggest that the imbalance gap between races is diminishing and this has indirectly reflected the success of the government in addressing issues of unity in the country.

Keywords: racial integration, unity, Federal Government, Five Year National Development Plans, economic imbalances.

PENGENALAN

Hubungan etnik dan integrasi nasional merupakan aspek penting dalam pembinaan negara bangsa Malaysia sejak sebelum mencapai kemerdekaan hinggalah pada masa kini. Kewujudan kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain etnik minoriti telah mengikat mereka dalam satu rumpun bangsa bagi membantu kerajaan membangunkan negara ini tanpa prasangka. Pembangunan negara Malaysia sangat bergantung kepada keamanan dan perpaduan rakyatnya. Justeru itu, selepas kemerdekaan, pihak kerajaan sentiasa memastikan agar perpaduan rakyat sentiasa diutamakan dalam merancang agenda pembangunan negara. Ini selaras dengan kewujudan negara Malaysia yang terdiri dari masyarakat majmuk dan semestinyalah setiap kaum diraikan bagi memastikan pembangunan negara dikecapi oleh pelbagai bangsa dan kaum. Perpaduan kaum atau integrasi kaum menjadi penanda aras kepada usaha kerajaan menangani ketidakseimbangan kaum dalam pembangunan sosioekonomi negara yang berlaku sejak penjajahan British sehinggalah awal kemerdekaan.

Maksud integrasi menurut Kamus Dewan ialah gabungan dua atau beberapa kaum unsur menjadi satu kesatuan. Dalam hal ini, integrasi adalah satu usaha kerajaan bagi menyatukan pelbagai kaum bagi membentuk satu bangsa atau kesatuan bagi membentuk perpaduan yang utuh. (<http://prpm.dbp.gov.my>) Hamidah Abdul Rahman (2009) melihat integrasi itu sebagai satu penyatuan antara kelompok yang berbeza yang hidup di bawah satu sistem pemerintahan yang sama. Setiap kelompok hidup secara aman tanpa mengira perbezaan latarbelakang dan budaya masing-masing dan integrasi ini boleh dilakukan melalui proses akomodasi, akulturasi dan asimilasi.

Negara telah mencapai pembangunan ekonomi yang membanggakan dalam usaha mengubah struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat pelbagai kaum sejak diperkenalkan rancangan pembangunan lima tahun. Rancangan pembangunan negara Kerajaan Persekutuan telah bermula seawal tahun 1950-an dengan wujudnya Rancangan Malaya Pertama 1952-1955. Seterusnya Rancangan Malaya Kedua 1956-1960, Rancangan Malaya

Ketiga 1951-1965, Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970, Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005, Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 dan seterusnya Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015.

Selepas mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, negara telah mencapai kemajuan yang membanggakan dalam usaha merubah struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berlangsung dari 1970-1990. Program-program pembangunan dilaksanakan bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat serta menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi

ekonomi. Kemajuan pencapaian DEB yang dapat dilihat adalah dari segi pengurangan perbezaan pendapatan dan kemajuan yang dicapai oleh Bumiputera dalam sektor ekonomi moden, telah memantapkan lagi perpaduan masyarakat berbilang kaum serta meningkatkan kestabilan politik dan sosial berbanding dengan keadaan sebelum tahun 1970. Pengenalan DEB memperlihatkan keseriusan pihak kerajaan bagi menangani isu perpaduan dan ketidakseimbangan kaum dari aspek pembangunan ekonomi. Usaha pihak kerajaan tidak sahaja tamat dengan pengenalan DEB, malahan perpaduan kaum terus menjadi antara agenda penting dalam pembangunan ekonomi negara selepas itu.

KAJIAN LEPAS

Dzuhailmi Dahalan (et.al, 2015) tela membuat kajian ke atas tanggapan belia Malaysia masa kini terhadap persoalan keadilan dasar integrasi nasional yang dianjurkan oleh kerajaan. Seramai 600 belia Malaysia yang dipilih secara rawak dari pelajar pelbagai etnik dari sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT) di sekitar Lembah Klang. Hasil kajian mendapati belia di Malaysia menunjukkan persepsi yang positif terhadap keadilan polisi kerajaan ke arah integrasi nasional memandangkan mereka mempunyai maklumat mengenai polisi-polisi kerajaan dan mereka dapat merasai sendiri keadilan polisi negara ke arah integrasi etnik. Beliau berpendapat pelaksanaan polisi ke arah integrasi nasional oleh kerajaan dianggap adil dan dapat diterima oleh golongan belia di Malaysia.

Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah (2014), telah membuat kajian bagi melihat bagaimana komuniti Cina peranakan Kelantan mengidentifikasikan diri mereka dalam masyarakat Melayu di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan. Hasil kajian mendapati memang wujud integrasi sosial dan budaya yang tinggi antara komuniti Cina peranakan Kelantan dengan kaum Melayu, Cina dan Siam. Dalam hal ini, interaksi adalah tinggi di kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar memandangkan di luar bandar peratusan orang Melayu adalah lebih tinggi.

Mohd. Amar b. Hj. Ibrahim, Hazri b. Jamil Najeemah bt. Mohd. Yusof (2013), membuat kajian bagi melihat apakah wujud sikap prejudis dan stereotaip dalam kalangan murid pelbagai etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan pelbagai etnik di negeri Perak, Pulau Pinang dan Selangor. Hasil kajian mendedahkan tidak terdapatnya perbezaan yang signifikan dalam konstruk prejudis dan stereotaip murid sama ada mengikut jantina, etnik, jenis sekolah rendah asal dan mengikut tingkatan. Dengan kata lain, prejudis dan stereotaip tidak ketara berlaku dalam warga murid sekolah berkenaan.

Suzana Sulaiman (2013) menjalankan kajian bagi mengenal pasti tahap perpaduan etnik dalam kehidupan seharian pelajar Program Diploma Universti Malaysia Perlis yang terdiri daripada pelbagai etnik yang berlaian budaya, bahasa dan agama. Kajian telah dilakukan dari aspek kadar toleransi, perhubungan, hormat-menghormati dan saling bantu-membantu dalam

kalangan pelajar pelbagai etnik. Hasil kajian mendapati tahap hubungan etnik dari aspek kehidupan seharian pelajar adalah pada tahap sederhana. Pelajar menunjukkan kecenderungan ke arah hubungan yang lebih positif terhadap etnik lain walaupun masih terdapat segelintir pelajar yang belum dapat menyesuaikan diri dengan pelajar berlainan etnik.

Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2010) dalam kajiannya mendapati bahawa elemen seperti sejarah, pendidikan, media, parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan amat kuat mencengkam budaya politik setiap kaum yang memperjuangkan kepentingan masing-masing.

Tidak dapat dinafikan keadaan masih tidak banyak berubah sehingga ke hari ini memandangkan elemen sosio-politik perkauman telah melahirkan sentimen perkauman yang tinggi. Realitinya integrasi masih lagi samar dan sentimen perkauman masih kuat mencengkam budaya politik masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Terdapat juga kajian mengenai integrasi kaum di peringkat pengajian tinggi. Hamidah Abd Rahman, (et.al 2011) membuat kajian tentang tahap hubungan sosial dan patriotisme dalam kalangan pelajar tahun satu UTM Kampus Johor Bahru. Hasil kajian mendapati tahap hubungan sosial pelajar tahun satu adalah berada pada tahap sederhana. Manakala patriotisme pula berada pada tahap tinggi. Kajian ini memperlihatkan bahawa tahap integrasi dalam kalangan pelajar adalah masih belum membanggakan kerana kebanyakan masih mempunyai perasaan etnosentrisme yang masih menebal. Kajian yang dilakukan oleh Fatimah Daud (2002) melakukan kajian bagi melihat sejauh mana golongan pelajar bergaul dan berinteraksi dalam kampus. Hasil kajian ini mendapati program yang melibatkan aktiviti bersama, pertukaran program budaya, meningkatkan tahap kefasihan bahasa, dan pemahaman antara agama dapat meningkatkan persefahaman dan perpaduan antara pelajar pelbagai kaum. Sayuti (et.al 2004) juga membuat kajian yang sama iaitu meneliti mengenai hubungan dan interaksi kaum di IPT dan hasil kajian menunjukkan terdapat kecenderungan suasana/iklim interaksi antara kaum di dalam kampus yang lebih positif. Dengan kata lain, hubungan antara kaum di dalam kampus lebih cenderung kearah positif. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak berpersepsi adanya suatu kehidupan yang terpecah belah disebabkan oleh perbezaan latar belakang kaum atau etnik mereka.

Berdasarkan kepada kajian lepas didapati belum ada kajian yang menjurus kepada integrasi kaum dalam rancangan pembangunan negara atau dengan kata lain dalam polisi pembangunan kerajaan. Dengan adanya kajian ini ia akan membantu kerajaan melihat apakah ada perkaitan antara dasar kerajaan dengan realiti yang berlaku dalam masyarakat pelbagai kaum di negara ini dan mencadangkan langkah-langkah tertentu bagi memperbaiki kelemahan tersebut.

Perbincangan Mengenai Rancangan Pembangunan Negara oleh Kerajaan Persekutuan Rancangan Malaysia Keenam (RMK6) – 1991-1995

Matlamat dan Rangka Dasar

Rancangan Malaysia Keenam (RMK6) meliputi tempoh 1991-95, merupakan fasa pertama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), 1991- 2000. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang terkandung dalam RRJP2 menjadi panduan kepada pembangunan negara dalam tahun-tahun sembilan puluhan dan dalam RMK6 telah dijelaskan strategi, program dan projek yang akan dibentuk bagi mencapai objektif DPN. Dalam hal ini, tumpuan kerajaan adalah berfokus kepada usaha memperbaiki ketidakseimbangan pendapatan antara kaum, bandar dan luar bandar serta wilayah. (RMK6, hlm. 5)

Elemen Integrasi Kaum

Secara khususnya matlamat DPN dengan jelas menyatakan untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu dan adil. Oleh itu, penekanan adalah diberikan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama bagi membolehkan semua rakyat Malaysia menyertai semua aktiviti ekonomi negara yang akhirnya menyumbang kepada kestabilan politik dan perpaduan negara. Antara lain DPN digubal bagi memenuhi aspek berikut:

- 1. mewujudkan keseimbangan yang optimum di antara matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama;**
2. memastikan pembangunan yang seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi untuk meningkatkan daya saling melengkapi antara sektor bagi mengoptimumkan pertumbuhan;
- 3. mengurang dan akhirnya menghapuskan keadaan ketidaksamaan dan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi dalam negara untuk menggalakkan perkongsian secara lebih adil dan saksama faedah yang diperolehi daripada pembangunan ekonomi untuk semua rakyat Malaysia;**
4. menggalak dan memperkukuhkan integrasi nasional dengan mengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi di kalangan negeri-negeri dan di antara kawasan bandar dan luar bandar;
- 5. membangunkan sebuah masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi, di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara;**
6. memajukan pembangunan sumber manusia termasuk mewujudkan tenaga kerja yang berdisiplin dan produktif serta meningkatkan kemahiran-kemahiran perlu bagi menghadapi cabaran dalam pembangunan industri melalui satu budaya kecemerlangan tanpa menjejaskan matlamat penyusunan semula masyarakat;
7. menjadikan sains dan teknologi sebagai satu teras penting dalam perancangan dan pembangunan sosio-ekonomi yang memerlukan usaha membangunkan keupayaan dan kebolehan dalam teknologi strategik dan berasaskan ilmu serta memajukan budaya

sains dan teknologi dalam proses membangunkan satu ekonomi perindustrian yang moden;

8. memastikan bahawa dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada perlindungan alam sekitar dan ekologi dalam jangka panjang bagi memastikan pembangunan negara dapat dikekalkan secara berterusan.

Antara matlamat pembangunan seimbang yang menjurus kepada integrasi kaum adalah:

1. prinsip pertumbuhan dengan pengagihan adalah penting bagi memastikan pencapaian agihan kekayaan negara secara yang adil dan saksama.
2. pembangunan masyarakat yang seimbang adalah perlu bagi menjamin kestabilan politik dan sosial.

Dalam hal ini, pembangunan ekonomi yang seimbang adalah perlu bagi memastikan pertumbuhan yang stabil, mengurangkan konflik sosial, menggalakkan keharmonian di antara kaum dan memperkukuhkan perpaduan negara. Dalam hal ini, pihak kerajaan menyasarkan agar penyertaan kaum Bumiputera dalam pekerjaan profesional yang berpendapatan tinggi, meningkat daripada 29 peratus kepada 32.3 peratus dalam tempoh tersebut. Manakala penyertaan Bumiputera dalam sektor moden, seperti dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan bukan kerajaan, akan dipertingkatkan dengan adanya pertambahan penawaran tenaga manusia yang berpendidikan serta berkemahiran tinggi. Untuk itu, Bumiputera diberi peluang bagi membolehkan mereka menyertai pekerjaan mahir di sektor swasta.

Penyusunan semula gunatenaga juga adalah untuk meningkatkan penyertaan bukan Bumiputera di peringkat pertengahan dan tinggi dalam perkhidmatan awam. Untuk mencapai cita-cita ini, pihak kerajaan menawarkan kepada sektor swasta agar mengambil tindakan yang serupa dengan mempertingkatkan pengambilan gunatenaga Bumiputera di peringkat profesional, pengurusan dan eksekutif supaya dapat diperbaiki lagi struktur gunatenaga di antara kaum dalam sektor tersebut. Dalam aspek penyusunan semula sektor syarikat, penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus dalam sektor ini akan terus dipertingkatkan. Menyedari akan hakikat yang matlamat ini memerlukan masa untuk dicapai, kerajaan tidak menetapkan jangka masa tertentu untuk pencapaian matlamat penyusunan semula modal saham sekurang-kurangnya 30 peratus. (RMK6, hlm.25-26)

Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) – 1996-2000

Matlamat dan Rangka Dasar

Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKT), 1996-2000, membawa Malaysia memasuki fasa kedua Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang mana ia menjadi landasan bagi Kerajaan untuk mempercepatkan pencapaian objektif pertumbuhan ekonomi seimbang sebagaimana yang termaktub di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang bermatlamat

mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih adil dan bersatu padu. Dalam RMT, teras dasar pembangunan negara bukan sahaja mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi bagi mencapai matlamat menjadi negara maju tahun 2020, malah turut menekankan kepada keadilan sosial, kualiti hidup, kestabilan politik serta nilai sosial dan kerohanian yang positif. Dalam hal ini, usaha pembangunan mestilah melangkaui lebih daripada lingkungan dimensi ekonomi semata-mata supaya merangkumi juga aspek kerohanian bagi mewujudkan masyarakat yang teguh dan bersatu padu dengan nilai kekeluargaan yang kukuh, disiplin diri yang tinggi serta menghayati seni dan budaya (RM, hlm. 7-8)

Elemen Integrasi Kaum

Antara elemen integrasi kaum dalam RMKT adalah usaha kerajaan bagi mengurangkan Kemiskinan dan Penyusunan Semula Masyarakat. Dalam tempoh RMT, usaha kerajaan diteruskan bagi mengurangkan lagi kemiskinan dan ketidaksamaan pendapatan di antara kumpulan etnik dan kumpulan pendapatan serta wilayah. Antara yang dilakukan adalah usaha mengurangkan kadar kemiskinan ke tahap 5.5 peratus, manakala kemiskinan di kalangan golongan termiskin akan dapat dibasmi sepenuhnya menjelang tahun 2000. Untuk itu, program membasmi kemiskinan seperti Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) ditumpukan kepada kemiskinan di kawasan dan di kalangan kumpulan yang kadar kemiskinannya tinggi.

Usaha bagi meningkatkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) adalah dengan menggalakkan usahawan Bumiputera menceburi industri strategik

seperti industri aerospace, automotif, jentera dan kejuruteraan, petrokimia dan telekomunikasi serta pembangunan vendor dan francais. Bagi meningkatkan lagi penyertaan usahawan Bumiputera dalam industri strategik, latihan khusus telah diberikan bagi meningkatkan pengetahuan teknikal. Kerajaan juga menggalakkan lebih banyak sektor swasta termasuk syarikat multinasional (MNC) melibatkan diri sebagai syarikat tunjang atau pemberi francais.

Penyusunan semula corak gunatenaga juga tetap diberikan perhatian oleh kerajaan bagi menggambarkan komposisi etnik penduduk negara. Perhatian khusus diberi untuk meningkatkan penawaran tenaga kerja Bumiputera dalam bidang professional dan pengurusan melalui pendidikan dan latihan. Untuk itu, Bumiputera disediakan dengan lebih banyak kemudahan untuk membolehkan mereka memperolehi kemahiran yang sesuai, pendedahan serta pengalaman yang perlu seperti yang dikehendaki oleh sektor swasta.

Bagi meningkatkan hak milik ekuiti, penyertaan dan penguasaan Bumiputera dalam sektor korporat, Bumiputera akan dilengkapi dengan kemahiran yang perlu untuk mengurus dan mentadbir harta dan kekayaan mereka secara berterusan. Untuk itu, individu, institusi dan agensi amanah Bumiputera adalah digalakkan mengembangkan aktiviti mereka dan menerokai pasaran baru melalui hubungan perniagaan di luar negara dan mewujudkan lebih banyak

peluang bagi syarikat kecil Bumiputera lain untuk menyertai aktiviti yang berkaitan. Di samping itu, usaha juga dilakukan bagi meningkatkan tabung Bumiputera dalam tabung amanah dan koperasi serta sumber yang berteraskan Islam seperti zakat, wakaf dan Baitulmal. (RMT, hlm. 17-18)

Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) – 2001-2005

Matlamat dan Rangka Dasar

Secara amnya, melalui RMK8, kerajaan terus berusaha menangani isu ketidakseimbangan pendapatan, terutamanya antara kumpulan etnik, penduduk bandar dan luar bandar dan wilayah. Usaha diambil bagi meningkatkan kumpulan berpendapatan sederhana serta meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah. Untuk itu, lebih banyak aktiviti penjana pendapatan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah golongan miskin dan berpendapatan rendah diperkenalkan oleh kerajaan. Antaranya ialah mekanisme penghasilan pendapatan bagi pekebun kecil bagi membantu mereka dalam tempoh yang sukar. Untuk memenuhi objektif pembangunan seimbang antara rantau dan negeri yang berlainan, kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kadar pertumbuhan negara yang berpendapatan rendah melalui promosi pembuatan, pelancongan dan sektor pertanian moden.

Elemen Integrasi Kaum

Antara elemen integrasi kaum dalam RMK8 adalah mengenai Penstrukturan Semula Masyarakat. Bagi penstrukturan semula pemilikan, antara program yang diperkenalkan adalah peruntukan saham rizab, skim unit amanah dan penswastaaan bagi meningkatkan dan mengekalkan pemilikan modal dan kawalan modal syarikat Bumiputera. Kerajaan menganggarkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat akan meningkat kepada sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang 2010. Oleh itu, kerajaan mengharapkan agar institusi amanah Bumiputera dapat memainkan peranan yang lebih besar, terutama dalam menggerakkan sumber-sumber Bumiputera dan mewujudkan kekayaan baru. Selain itu, usahawan Bumiputera juga digalakkan untuk menubuhkan usaha sama dan perkongsian strategik dengan kedua-dua bukan Bumiputera dan rakan-rakan asing, untuk mendapat manfaat daripada teknologi canggih, akses pasaran dan kepakaran pengurusan mereka.

Sehubungan dengan itu juga, kerajaan juga menekankan kepada peningkatan pelaksanaan strategi dan program penstrukturan semula pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan di semua peringkat pekerjaan untuk mencerminkan komposisi etnik penduduk. Dalam hal ini, pendidikan dan latihan menjadi mekanisme penting untuk mencapai objektif penstrukturan semula pekerjaan. Untuk itu, institusi latihan vokasional dan latihan yang lebih maju diwujudkan dalam tempoh Rancangan untuk membolehkan pekerja dan graduan institusi vokasional dan latihan, terutama Bumiputera menaikkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) – 2006-2010

Matlamat dan Rangka Dasar

Rancangan Malaysia Kesembilan telah digubal dengan objektif “Mengukuhkan Perpaduan Nasional” bertemakan “Bersama Ke Arah Cemerlang, Gemilang dan Terbilang”. RMK-9 juga dilaksanakan dengan hasrat untuk membina kemakmuran, merupakan antara rancangan pembangunan negara yang penting dalam sejarah negara, memandangkan negara berada pada titik pertengahan dalam perjalanan ke arah tahun 2020.

Strategi utama yang dilaksanakan dalam RMK-9 ialah memantapkan bidang perkhidmatan, pembuatan dan pertanian baru. Selain itu, perjalanan RMK-9 perlu melalui kelima-lima teras yang telah digarap dalam Rancangan ini. Tumpuan juga turut diberi dalam aspek pembangunan modal insan yang mana ia merupakan usaha berterusan yang mampu mencorak ke arah kegemilangan negara. Dengan modal insan yang baik dan berkualiti ia mampu mencapai matlamat RMK-9. (pmr.penerangan.com.my)

Teras Pertama:	Meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai lebih tinggi.
Teras Kedua:	Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk ‘minda kelas pertama’.
Teras Ketiga:	Menangani masalah ketidakseimbangan yang berterusan secara membina dan produktif
Teras keempat:	Meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup.
Teras kelima:	Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara.

Elemen Integrasi Kaum

Secara umumnya, matlamat utama RMK9 adalah perpaduan negara, pertumbuhan ekonomi dan keseimbangan sosial. Kerajaan melihat meskipun masyarakat Malaysia semakin moden dan berpendidikan, masih wujud ketidakseimbangan pendapatan dan kekayaan antara etnik, antara penduduk luar bandar dengan bandar dan antara wilayah. Begitu juga, polarisasi kaum masih wujud di sekolah, tempat bekerja, kawasan perumahan dan dalam masyarakat umumnya. (RMK9) Kerajaan menyedari bahawa pembentukan masyarakat Malaysia yang maju bukan sahaja berasaskan ekonomi yang berdaya tahan dan berdaya saing tetapi juga kepada pengagihan kekayaan yang lebih saksama dan penyertaan semua kumpulan masyarakat. Walaupun pertumbuhan dan kedinamikan ekonomi perlu dicapai, ketidakseimbangan peluang ekonomi dan sumber pendapatan tidak seharusnya dibiarkan berlarutan sehingga menggugat pembangunan negara.

Dalam RMK9, kerajaan memberi penekanan semula kepada usaha menangani keadaan ketidaksamaan sosioekonomi yang masih belum mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Bagi menangani keadaan ketidakseimbangan pencapaian sosioekonomi dengan lebih berkesan, strategi yang akan dilaksanakan dilandaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

1. membasmi kemiskinan supaya tidak ada rakyat yang ditinggalkan dari arus pembangunan,
2. menjana arus pembangunan yang lebih seimbang, terutamanya di kawasan yang kurang mengalami pembangunan, dan seterusnya membuka lebih banyak peluang penyertaan dalam ekonomi negara; dan
3. memastikan bahawa manfaat daripada pembangunan ekonomi dapat dinikmati oleh rakyat secara adil dan saksama.

Membasmi Kemiskinan Tanpa Mengira Kaum

Usaha membasmi kemiskinan adalah tanpa mengira kaum, kawasan, wilayah mahupun negeri. Pembasmian kemiskinan menjadi sasaran utama dalam usaha besar menangani ketidakseimbangan pencapaian sosioekonomi negara, demi memastikan bahawa nasib warga terbelah, landasan sosioekonomi negara kukuh, perpaduan dan kestabilan negara dikekalkan, dan ekonomi negara terus dibangunkan.

Bagi memastikan program pembasmian kemiskinan dengan lebih berkesan, kerajaan memastikan akan memfokuskan kepada golongan sasaran sahaja. Untuk itu, pihak kerajaan telah mengkaji semula ukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Ekoran daripada ini banyak perubahan telah berlaku dari segi struktur harga, corak perbelanjaan dan taraf hidup rakyat sejak tahun 1977 apabila PGK diperkenalkan buat pertama kalinya. Disamping membolehkan maklumat mengenai kemiskinan yang lebih tepat diperolehi, PGK yang baru juga membantu meringankan beban golongan yang nyata miskin tetapi tidak dikategorikan miskin di bawah PGK lama, contohnya golongan miskin di bandar.

Berdasarkan PGK baru, kadar kemiskinan dalam negara berada di tahap 5.7 peratus dan miskin tegar di tahap 1.2 peratus pada tahun 2004. Jadi, pihak kerajaan menetapkan untuk mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan kepada 2.8 peratus dan membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar menjelang tahun 2010. Program membasmi kemiskinan akan memberi tumpuan kepada usaha bina upaya di kalangan golongan miskin dengan menambah baik akses kepada pendidikan dan kemahiran, memupuk nilai positif serta membina keyakinan dan motivasi diri. Ini bertujuan menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan rendah secara aktif dalam aktiviti ekonomi. Bagi menyokong penyertaan golongan miskin di dalam arus ekonomi perdana, akses kepada kemudahan pembiayaan akan dipertingkatkan dan prasarana lebih baik disediakan.

Dalam tempoh RMK8, walaupun pendapatan purata isi rumah meningkat, jurang pendapatan keseluruhan, antara kawasan bandar dengan luar bandar terus melebar. Untuk itu, dalam RMK9 usaha bersepadu perlu dilaksanakan ke arah mencapai pariti pendapatan dan merapatkan jurang pendapatan. Kerajaan menetapkan beberapa sasaran bagi mencerminkan komitmen Kerajaan untuk menangani isu ini di mana jurang pendapatan antara Bumiputera dengan etnik Cina akan dikurangkan daripada nisbah 1:1.64 pada tahun 2004 kepada nisbah 1:1.50 pada tahun 2010 dan antara Bumiputera dengan etnik India daripada nisbah 1:1.27 pada

tahun 2004 kepada nisbah 1:1.15 pada tahun 2010. Jurang pendapatan antara luar bandar dengan bandar akan dikurangkan daripada 2.11 pada tahun 2004 kepada 1:2 pada tahun 2010.

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) – 2011-2015

Matlamat dan Rangka Dasar

Bagi menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020, negara memerlukan model ekonomi yang baru untuk terus maju dan mampu menyertai kumpulan negara berpendapatan tinggi. Oleh itu, RMKe-10 telah disediakan dengan mencarta perjalanan pembangunan negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Tema RMKe-10 dirumuskan ke dalam bentuk 10 idea utama. Sekiranya 10 idea utama berikut dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, Malaysia pasti mampu mencapai status negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sama ada disedari atau tidak, RMK10 telah menjadikan 1Malaysia sebagai konsep asas dalam menggerakkan pembangunan negara dalam tempoh 2011-2015. Ini dapat dilihat dalam Bab 1 RMK10 di bawah tajuk “1Malaysia: Mencarta pembangunan ke arah negara berpendapatan tinggi”. Dalam hal ini kerajaan menekankan kepada perpaduan kaum secara menyeluruh bagi membantu negara menjadi negara yang berpendapatan tinggi. Terdapat 10 idea utama bagi menggerakkan negara berpendapatan tinggi iaitu:

1. Ekonomi dipacu oleh faktor dalam negara di samping mengambil kira persekitaran luar negara
2. Memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa
3. Transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi menerusi pengkhususan
4. Menjayakan pertumbuhan yang diterajui oleh produktiviti dan inovasi
5. Memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan cemerlang
6. Memastikan peluang sama rata dan melindungi golongan yang mudah terjejas
7. Pertumbuhan bertumpu, pembangunan inklusif
8. Menyokong perkongsian pintar dan berkesan
9. Menghargai khazanah alam sekitar
10. Kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing

Elemen Integrasi Kaum

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas bahawa RMK10 menekankan kepada 10 idea utama ke arah membentuk negara berpendapatan tinggi dan melalui idea yang ke 2 dengan jelas menunjukkan kerajaan memanfaatkan kepelbagaian etnik bagi mencapai kejayaan di arena antarabangsa. Konsep 1Malaysia bukan hanya setakat keharmonian bangsa dan

perpaduan dalam negara. Perbezaan etnik dan warisan budaya perlu dilihat sebagai satu kelebihan Malaysia.

Dalam tempoh RMKe-10, tumpuan diberi kepada usaha untuk meningkatkan tahap pendapatan isi rumah 40% terendah. Isi rumah kumpulan ini, tanpa mengira etnik atau lokasi, layak diberi sokongan berasaskan keperluan termasuk Bumiputera di Sabah dan Sarawak, terutama etnik minoriti, dan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2009, pendapatan isi rumah 40% terendah adalah kurang daripada RM2,300 sebulan. Terdapat kira-kira 2.4 juta isi rumah dalam kategori ini terdiri daripada 1.8% isi rumah miskin tegar, 7.6% isi rumah miskin dan bakinya 90.6% isi rumah dalam kumpulan berpendapatan rendah. Purata pendapatan bulanan isi rumah 40% terendah adalah sebanyak RM1,440. Dalam tempoh Rancangan, tiga strategi akan diguna pakai untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah 40% terendah iaitu:

1. menyediakan sokongan bagi membina keupayaan dan meningkatkan potensi menjana pendapatan melalui pendidikan dan keusahawanan.
2. menangani keperluan taraf hidup semasa dengan meningkatkan akses kepada kemudahan asas.
3. melaksana program khusus untuk kumpulan sasar yang mempunyai keperluan tertentu seperti Bumiputera di Sabah dan Sarawak, terutamanya etnik minoriti; masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia; penduduk di kampung baru Cina; dan pekerja ladang yang sebahagian besarnya berketurunan India. Meningkatkan keupayaan Bumiputera di Sabah dan Sarawak dan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia Dalam tempoh Rancangan, program pembangunan bersepadu dan bantuan peningkatan keupayaan khusus akan dilaksana bagi mengurangkan insiden kemiskinan yang tinggi dalam kalangan Bumiputera di Sabah dan Sarawak, terutamanya etnik minoriti seperti Bisaya, Orang Sungei, Rungus, Suluk, Tidong, Penan, Kajang, Kedayan dan Kelabit serta masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ini termasuk mereka yang tinggal di rumah panjang serta penempatan di kawasan pedalaman. Sasaran adalah untuk mengurangkan insiden kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli daripada 50.0% pada tahun 2009 kepada 25.0% pada tahun 2015 manakala etnik minoriti di Sabah daripada 22.8% kepada 12.0% dan Sarawak daripada 6.4% kepada 3.0% dalam tempoh yang sama. (RMK10, hlm. 151)

Laporan Kemajuan

Kemajuan dalam mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat dari segi keseimbangan gunatenaga di kalangan kumpulan etnik telah terjejas oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan peluang pekerjaan yang terhad pada tahun-tahun awal pelaksanaan RMK5. Walau bagaimanapun, berikutan pemulihan ekonomi negara dan perkembangan pesat aktiviti-aktiviti pelaburan, kemajuan dalam usaha-usaha ini telah dapat ditingkatkan semula. Bumiputera memperolehi 60 peratus daripada sejumlah 996,400 pekerjaan baru yang diwujudkan, berbanding dengan 32 peratus untuk kaum Cina dan 7.0

peratus untuk kaum India. Kebanyakan daripada pertambahan gunatenaga Bumiputera adalah dalam sektor-sektor pembuatan, pertanian dan perdagangan. Dari segi kategori pekerjaan, sebahagian besar tenaga kerja Bumiputera masih lagi dalam kategori pekerjaan yang berpendapatan rendah. Penyertaan mereka dalam bidang pekerjaan profesional yang berpendapatan tinggi seperti jurutera, akauntan dan arkitek walau bagaimanapun telah meningkat daripada 22.2 peratus kepada 29 peratus. Bagi kaum India, bahagian mereka dalam beberapa profesion tidak menunjukkan banyak kemajuan. (RMK6, hlm. 14)

Dalam penyusunan semula sektor syarikat, bahagian Bumiputera, termasuk agensi Amanah, merupakan 20.3 peratus daripada jumlah keseluruhan modal saham berbayar sektor tersebut pada tahun 1990. Bahagian bukan Bumiputera pula adalah sebanyak 46.2 peratus, dengan kaum Cina memegang 44.9 peratus dan kaum India 1.0 peratus manakala rakyat asing memegang 25.1 peratus dan syarikat-syarikat calon memiliki 8.4 peratus. Walau bagaimanapun, pemilikan Bumiputera perseorangan secara pelaburan terus adalah hanya 8.2 peratus jika kepentingan agensi-agensi amanah dan institusi-institusi yang berkaitan tidak diambilkira. Kemelesetan ekonomi telah menyebabkan pertumbuhan yang perlahan dalam penyertaan Bumiputera di sektor syarikat. Walaupun pihak Kerajaan telah memberi berbagai bentuk bantuan, Bumiputera masih lagi menghadapi kekurangan dari segi penguasaan syarikat dan sumber kewangan serta kepakaran pengurusan. (RMK6, hlm. 14)

Jurang pendapatan antara etnik bertambah baik dalam tempoh 1991-2004. Nisbah pendapatan Bumiputera kepada etnik Cina meningkat daripada 1:1.74 pada tahun 1990 kepada 1:1.64 pada tahun 2004. Nisbah pendapatan Bumiputera kepada etnik India berkurang sedikit daripada 1:1.29 pada tahun 1990 kepada 1:1.27 pada tahun 2004. Corak pekerjaan di semua peringkat menunjukkan peningkatan kepelbagaian etnik yang menyumbang kepada pengurangan pengenalan etnik mengikut jenis pekerjaan. Walau bagaimanapun, masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi kategori profesional dan pengurusan. Pemilikan ekuiti sektor korporat mengikut kumpulan etnik pada tahun 2004 ialah 18.9 peratus untuk Bumiputera, 39.0 peratus untuk etnik Cina dan 1.2 peratus untuk etnik India. (RMK9)

Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera telah meningkat dalam tempoh RMKe-10. Pencapaian ini disumbangkan oleh inisiatif pelbagai syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). Inisiatif ini termasuk pelancaran sejumlah 10 bilion unit Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan RM3 bilion suntikan modal ekonomi melalui Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS). Di samping itu, kerjasama antara EKUINAS dengan TERAJU melalui Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB) telah membolehkan 10 syarikat disenaraikan di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak RM4.1 bilion. (RMK11, hlm.11)

Di samping itu, seramai 4,446 penduduk Kampung Baru Cina telah menerima bantuan di bawah Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru. Dalam tempoh 2011 - 2014, jumlah pinjaman yang disalurkan adalah sebanyak RM142 juta. Seramai 167,500 orang India miskin

telah mendapat manfaat daripada program keusahawanan dan latihan kemahiran. Daripada jumlah tersebut, seramai 10,000 belia telah mengikuti program latihan kemahiran, 30,000 peserta telah menyertai program latihan keusahawanan dan 127,500 pelajar sekolah rendah dan menengah mendapat manfaat daripada program pengukuhan pendidikan. (RMK11, hlm.6).

Program pembangunan dan pemilikan tanah serta program latihan kemahiran telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan penduduk yang tinggal di luar bandar dan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Pewartaan Hak Tanah Adat (NCR) seluas 32,561 hektar untuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, 26,956 hektar bagi Bumiputera Sabah dan 558,571 hektar bagi Bumiputera Sarawak telah dilaksanakan. Bilangan Orang Asli yang menerima latihan kemahiran telah meningkat daripada 435 orang pada tahun 2011 kepada 3,750 orang pada tahun 2014. Dalam tempoh yang sama, seramai 2,100 peserta Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak telah menerima pelbagai latihan kemahiran. (RMK11, hlm.6).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, ternyata bahawa setiap rancangan pembangunan lima tahun negara sentiasa memastikan elemen perpaduan dan integrasi kaum menjadi agenda penting negara di samping pembangunan sosioekonomi. Dengan meneliti setiap rancangan pembangunan negara, ia dengan jelas memperlihatkan usaha bersungguh-sungguh kerajaan untuk menghapuskan ketidakseimbangan kaum khususnya dari segi ekonomi. Usaha ini telah dilakukan secara menyeluruh, tidak sahaja tidak semenanjung Malaysia malahan mencakupi Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak. Begitu juga dengan orang asli tidak ketinggalan mendapat perhatian dari pihak kerajaan untuk sama-sama menikmati pembangunan negara. Fokus kerajaan adalah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat khususnya golongan Bumiputra agar mereka bersama-sama dengan golongan bukan Bumiputra memasuki gerbang perdagangan dan perindustrian dan bukannya bertumpu kepada sektor pertanian dan industri kecil semata-mata. Pujian harus diberikan kepada kerajaan Malaysia kerana sentiasa meraikan pelbagai kaum dalam setiap rancangan pembangunan negara. Tetapi usaha tersebut banyak berlaku di peringkat makro dan kurang menekankan kepada integrasi dari aspek rohani. Ini memandangkan faktor-faktor seperti kepelbagaian budaya dan pemikiran sesetengah kaum masih lagi menebal menyebabkan integrasi dan perpaduan nasional di peringkat bawahan kurang berjaya. Mungkin pihak kerajaan perlu mengadakan lebih banyak program kesedaran untuk mengubah pemikiran masyarakat Malaysia bagi mengurangkan sikap individualistik, etnosentrik, prejudis dan stereotaip.

RUKUKAN

Dzuhailmi Dahalan, Haslinda Abdullah, Sulaiman Md. Yassin, Keadilan polisi ke arah integrasi nasional di Malaysia: Persepsi generasi baharu *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space 11 issue 6 (78 - 86) 78*© 2015, ISSN 2180-2491.

Hamidah Ab Rahman, Hamidah Abd Rahman, Norlin Ahmad, Nor Akmar Nordin, Norashikin Mahmud, Rozianan Shaari, Shah Rollah Abdul Wahab, Kajian Tinjauan Hubungan Etnik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu Di Kampus Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), *Jurnal Teknologi*, Vol 54, Jan. 2011.

Hamidah Abdul Rahman, Norlin Ahmad, Shah Rollah Abdul Wahab, Konsep-konsep Asas Hubungan Etnik, Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif Teori Dan Praktik, 2009.

Kajian Mengenai Hubungan Etnik dan Integrasi Nasional dalam Laporan Akhir “*Kajian Inventori Penyelidikan Pembangunan Sosial di Malaysia 2001-2005*”, UKM.

Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah, Jatidiri Kaum dan Perpaduan Negara: Kajian Kes Cina Peranakan Kelantan di Malaysia, *Kajian Malaysia, Vol. 32, No.1, 2014, 119–148*, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Mohd. Amar b. Hj. Ibrahim, Hazri b. Jamil, Najeemah bt. Mohd. Yusof, Prejudis dan Stereotaip Dalam Kalangan Murid Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia, *Proceeding of the Global Summit on Education (GSE2013)*.

Rancangan Malaya Kedua 1956-1960

Rancangan Malaya Ketiga 1951-1965

Rancangan Malaya Pertama 1952-1955

Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975

Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995

Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005

Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990

Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020

Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010

Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000

Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970

Ridhuan Tee Abdullah, “Cabaran Integrasi Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan”, *Jurnal Hadhari* Bil.3, 2010, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sayuti, Rusimah and Abdullah, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee and Ishak, Salma (2004) Kajian hubungan kaum di kalangan pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti

Utara Malaysia. In: *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*, 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi. (Unpublished)

Suzana Sulaiman, Perpaduan Pelajar Pelbagai Etnik: Kehidupan Sehari-hari Pelajar Program Diploma Tahun Dua, Sesi Pengajian 2012/2013, Universiti Malaysia Perlis, Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. 4-5 June 2013, Penang, MALAYSIA. e-ISBN 978-967-11768-1-8. Organized by WorldConferences.net.